

INTERVIU BERSAMA MANTAN SPEAKER ABDULLAH TARMUGI

Lompatan anak penjual gado-gado ke London



KOLEKSI TEMBIKAR DAN SELO: Memasuki rumah tiga tingkat Encik Abdullah Tarmugi, tetamu pasti terlihat koleksi tembikar rona biru hasil ilham Encik Iskandar Jalil, pakar tembikar tersohor Singapura, di tengah ruang tamu dan nun di sudutnya pula, alat muzik, selo (*cello*) yang serantau dipelajarinya sebagai hobi. — Foto: foto MOHD RAMAN DAUD



MOHD RAMAN DAUD
raman@sph.com.sg



POSTER BAGI DRAMA FIGURING FATHER: Encik Abdullah sempat berlakon dengan anaknya, Shireen, 40 tahun, pada 26 Jan 2013 di Substation. Menurutnya, "...menghafal skrip' memang susah".

UNTUK melangkah jauh, anak Melayu mesti mempunyai pendidikan lengkap yang terbaik dari segi ilmu, kerjaya dan akhlak. Masyarakat pula perlu menyokong usahanya.

Begitulah pegangan teguh Encik Abdullah Tarmugi, 69 tahun, mantan Speaker (2002-2011) dan Menteri Pembangunan Masyarakat merangkap Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwah Masyarakat Islam.

"Waktu kecil saya sibuk menolong ayah jualan gado-gado. Selalu saja kena cuci pinggan mangkuk," ceritanya.

KELUARGA SUSAH

Ibu bapanya buta huruf, tambah beliau. Ayahnya, Tarmuji bin Ahmad, siang bekerja sebagai penolong jurutuk dan pada malamnya berjualan gado-gado dengan kereta sorong, terutama di Farrer Park.

"Yah (datuk sebelah ibu), Haji Abdul Latif, asal Ponorogo pula menjadi semacam syeikh atau broker haji. Itulah sebabnya rumah kami senantiasa ada orang Jawa yang bakal naik haji. Kami sediakan tempat tumpangan sementara," cerita Encik Abdullah.

Daripada lima beradik, beliau yang paling berjaya – pernah menuntut di Raffles Institution dan Universiti Singapura (1969, kemudian ke Universiti London dengan meraih ijazah sarjana dalam bidang sosiologi perbandingan (1972).

"Mujurlah saya dapat Biasiswa Komanwel untuk ke London. Di sana, dalam suasana belajar yang merangsangkan, keputusan saya baik dan ditawarkan buat PhD di sebuah universiti ternama di Britain.

"Sayangnya, biasiswa saya hanya bagi peringkat sarjana dan perlu kembali ke tanah air untuk berkhidmat bagi *bond* (ikatan) biasiswa," ceritanya.

Beliau pernah bekerja di Kementerian

Pembangunan Negara (MND) dan di akhbar *The Straits Times* sebagai wartawan kanan (memulih lidah pengarang) dan kemudian di bahagian kajian pasaran.

"Bila dah balik Singapura, sukar hendak belajar lagi di peringkat doktorat. Antara sebabnya ialah *momentum* (tejanung) pun sudah kurang," katanya.

Encik Abdullah kini menjadi anggota pengarah Bank Islam Asia (Islamic Bank of Asia) dan anggota pengarah bebas Pacific Insurance Berhad, Guocoland Ltd, Goodhope Asia Holdings Ltd dan Devotion Energy Group Ltd.

Beliau juga penasihat Mercy Relief dan anggota Lembaga Pengamanah Universiti Nasional Singapura dan anggota Majlis Penasihat Presiden bagi Hak Minoriti.

BELAJAR SEJAUH DAYA

Beliau amat gembira mendapati anak Melayu kini sudah dapat mengetuk gerbang menara gading terkemuka sejauh Harvard di Amerika Syarikat atau Cambridge di England.

"Ini menunjukkan otak dan semangat anak Melayu sebaik pelajar cemerlang sedunia. Pokoknya, bila mereka ditawarkan ke

varsiti ternama, dapatkah mereka ke sana jika mereka tidak mendapat biasiswa atau dana sendiri?" tanya beliau.

Bagi ayah dua anak dan belum mempunyai cucu ini, jawapannya ialah "merekah mesti dibantu".

"Badan dan individu Islam yang ada kemampuan wajar membantu pelajar kita agar cukup bekalan wang untuk ke menara gading yang ternama. Malah, kita boleh merayu kepada yayasan lain dan sebagainya. Pokoknya, kita pastikan mereka dapat melangkah sejauh yang terdaya," harap beliau.

MASUK POLITIK

Beliau masih ingat pelibatannya dalam badan akar umbi, terutama Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura, yang menjadi semacam wadah tumpuan bakat elit Melayu dalam 1970an.

Beliau juga terlibat dalam usaha membantu bekas penagih dadah pulang ke pangkal jalan menerusi MCS-Sana.

(MCS ialah atau Perkhidmatan Menasihati Muslim yang pernah diruskan Majlis Pusat. Sana ialah atau Persatuan Antinarkotik Singapura).

"Saya tak pernah terfikir hendak masuk

politik. Namun sikap saya ialah mencuba apa jua yang terbaik," kata beliau.

Selepas 10 tahun di MND, beliau menceburi dunia kewartawanan dengan akhbar *The Straits Times*.

"Di akhbar Inggeris utama itu, saya ditugaskan menulis lidah pengarang dan rencana berat serta mengendalikan meja berita sehingga berpangkat penolong editor. Pengalaman di akhbar membuat saya lebih peka menilai masalah masyarakat ketika itu," cerita Encik Abdullah.

Namun apabila beliau menjadi Anggota Parlimen (AP) lewat Parti Tindakan Rakyat (PAP) yang memerintah pada 1984, beliau beralih ke tugas bukan kewartawanan iaitu ketua bahagian penyelidikan pemasaran iaitu Singapore Press Holdings Ltd (syarikat induk kumpulan media cetak).

"Jika waswas atau gelisah takut masuk politik, lebih baik jangan," nasihatnya kepada anak uroda hari ini.

"Banyak pengorbanan perlu dibuat dalam bidang politik, dari isu rakyat jelata sampai isu nasional," jelasnya.

CORAK RAKYAT

Beliau mendapati corak pemikiran dan sikap rakyat juga kian berubah, terutama se-

jak ada media sosial yang lantang dalam mengkritik pemerintah.

"Dulu, dalam sesi menemui rakyat (MPS), yang datang itu merayu lambut agar dapat dibantu. Tapi kini mereka datang dengan senamun desakan atau ancaman jika AP (anggota parlimen) tidak dapat bantu," kata beliau sambil menegaskan simpatinya kepada para AP baru.

Namun, dalam menghadapi begitu banyak cabaran, katanya, masa bersama keluarga amat penting diimbangi.

Menurutnya, beliau beruntung kerana tugasnya cukup difahami oleh isteri, mantan pengetua Sekolah Menengah Monk's Hill, dan dua anak (lelaki yang sudah berumah tangga dan perempuan) yang kini sudah dewasa dan tidak tinggal bersama.

Selepas bersara daripada politik, beliau berasakan semacam kehilangan.

"Pada suatu pagi saya macam biasa bersiap-siap hendak ke tempat kerja. Isteri saya menegur 'eh kan awak dah bersara?'. Barulah saya sedar. Sejak itu, saya cuba ubah hidup saya dengan kebiasaan yang baru. Mujurlah bakat, ilmu dan pengalaman saya masih diperihikan oleh pihak swasta dari juga saya sibukkan diri dengan hobi baru," katanya.

Pada Januari tahun lalu, Encik Abdullah sempat berlakon dengan puterinya, Cik Shireen, 40 tahun, dalam penerbitan drama yang sederhana publisitinya.

"Kini rumah saya terasa sepi kerana tinggal saja dan isteri saja. Rasa-rasanya nak tinggal saja di kondominium, tapi rumah ini cukup bermakna dan bersejarah bagi kami. Lagipun isteri saya suka berkebun," katanya.

Beliau menyimpan koleksi tembikar Iskandar Jilid dan kini cuba belajar main solo (*cello*) walaupun "tidak akan sebaik Yo-Yo Ma", sendainya.

"Pada suatu pagi saya macam biasa bersiap-siap hendak ke tempat kerja. Isteri saya menegur 'eh kan awak dah bersara?'. Barulah saya sedar. Sejak itu, saya cuba ubah hidup saya dengan kebiasaan yang baru. Mujurlah bakat, ilmu dan pengalaman saya masih diperlukan oleh pihak swasta dan juga saya sibukkan diri dengan hobi baru."

— Abdullah Tarmugi, tentang gaya hidupnya selepas bersara.

Isu baru dan lama kaum Melayu

SAMPAI pada usia menjangkau hampir 70 tahun, Encik Abdullah Tarmugi masih teringat Kampung Rochor – dalam sedar dan dalam mimpi.

"Hidup kami susah waktu itu. Nama saja kampung tetapi sebenarnya ia petempatan dalam bandar," kata mantan Speaker (2002-2011) dan Menteri Pembangunan Masyarakat merangkap Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwah Masyarakat Islam ini.

Rumahnya di nombor 12-3 Palembang Road merupakan antara rumah tumpangan jemaah haji kerana datuknya, Haji Abdul Latif, yang berasal dari Ponorogo, Jawa, merupakan broker haji yang aktif.

"Saya harap ada pihak yang hendak menulis kisah penduduk Melayu dalam kampung bandar di Minto Road, Palembang Road dan Sumbawa Road dan saya sudi memberikan butirannya," ujar beliau.

RAKAM SEJARAH

Menurutnya, sedang Singapura menyambut 50 tahun kemerdekaannya, memang terdapat usaha yang dipacu untuk merakamkan sejarah.

"Tengok saja perubahan rupa darat atau landskap Singapura. Apabila kita tak lalu di

satu tempat, dalam beberapa tahun saja kita macam tercengang kerana perubahannya pesat," ujarnya.

Beliau bangga dengan usaha sebahagian orang menulis sejarah untuk bekal generasi muda.

"Itulah sebabnya pengetahuan sejarah amat penting seperti dalam isu Konfrontasi yang tercetus semula baru-baru ini. Orang yang tiada sejarah, tidak tahu asal usul dan jati dirinya," hujah beliau.

ISU MELAYU

Sepanjang menjadi Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwah Masyarakat Islam (1993-2002), beliau mengharungi pelbagai tengkarah yang melibatkan orang Melayu – daripada soal pemindahan organ (khususnya ginjal), pemakaian tudung bagi murid perempuan sehingga Muslimah dewasa di tempat kerja, isu madrasah dalam konteks pendidikan wajib dan kemunculan Angkatan Karyawan Islam (AMP) sebagai pencabar Yayasan Mendaki.

"Walaupun saya tampak tenang, dalam hati ini senantiasa bergolak kerana berdepan dengan isu-isu ini, yang ibarat ditelan mati bakap di luh mati emak, sampai susah nak tidur malam," katanya.

Namun, beliau lega apabila satu persatu isu ini dapat diatasi kerana adanya semangat muafakat dan tolak ansur masyarakat Melayu/Islam yang sedar akan realiti kehidupan dalam sebuah negara majmuk dan sekular.

"Ambil kisah madrasah. Saya teringat ketenangan, kesopanan dan nasihat luhur daripada Ustaz Syed Abdillah Al-Jufri dalam sidang bersama yang dipengerusikan Perdana Menteri ketika itu, Encik Goh Chok Tong.

"Kita perlu tokol seperti dimahum Ustaz Abdillah dalam mengatasi pelbagai isu terkait dengan agama. Sebabnya, mereka dihormati kerana ilmu dan pengalaman serta bersikap terbuka lagi bahis dalam menilai masalah masyarakat dan negara," jelasnya.

PENCAPAIAN MADRASAH

Beliau juga bangga dengan pencapaian madrasah sejak sistem pendidikan wajib dilaksanakan.

"Tengok kini banyak lulusan madrasah boleh ke politeknik maupun ke universiti ternama di Britain. Ini menunjukkan formula baru selepas sistem pendidikan wajib dilaksanakan membawa hasil yang baik. Padahal sebelum ini kita sebagai masyarakat sering sangsi niat pemerintah.

"Dengan sistem pendidikan wajib, madrasah kita perlu dipacu sampai cemerlang. Lulusannya akan mendapat kerja di pasaran," kata beliau yang gembira dengan peluang Edusave yang diberikan juga akhirnya kepada pelajar madrasah.

ISI TUDUNG

Kini isu tudung bergolak lagi. Namun, katanya, jika umat Islam bersabar dan menunjukkan kegigihan, lama-kelamaan isu ini juga dapat ditangani tanpa menimbulkan prasangka pada pihak majoriti bukan Islam.

"Saya teringat dihujani dengan surat dan e-mel banyak pihak seperti golongan Fateh.com dan individu yang melaukan berjuang untuk Islam. Sampai-sampai kesihatan saya terganggu," ceritanya yang pernah menjalani pembedahan jantung.

Pada 2002, beliau berundur daripada jawatan menteri dan digantikan Dr Yaacob Ibrahim.

Sebaliknya, beliau diminta Perdana Menteri menjadi Speaker Parlimen – tugas yang ditukarnya dengan baik.

GAYA KEPEMIMPINAN

"Saya nilai kerjaya politik saya menurut

lingkaran empat atau lima tahun iaitu pilihan raya silih berganti.

"Apa yang saya lakukan hendaklah yang terbaik. Saya bersikap suka membina masyarakat atau muafakat.

"Dan tugas saya berikan secara delegasi kepada para ketua baik di Muis atau Mendaki dengan menetapkan syarat dan batasanya. Tapi, apabila sampai pada detik pemute bencara, sayalah yang bertanggungjawab," kata Encik Abdullah menceritakan gaya kepimpinannya.

Menurut beliau, dalam zaman media sosial yang lantang menuntut hak bersuara, beliauimbang batas adat.

"Kita orang Islam dan orang Timur. Bener demokrasi penting. Tapi, kita mesti juga sopan santun dalam mengutarakan pendapat. Jadi, bila isu yang murni diajukan, janganlah pula kita cepat marah sehingga sanggup maki hamun walaupun dalam ruang siber. Hakikatnya, media sosial dibaca oleh seluruh dunia – lebih luas daripada alkitab kita," katanya.

Beliau yakin isu-isu Melayu akan dapat diurus dengan baik jika ada semangat kerjasama dan tolak ansur dalam suasana saling yakin-meyakini kejujuran masing-masing.